



Dera anak kerana cerai



Walaupun kes penderaan kanak-kanak tidak heboh diperkatakan seperti sedekad yang lalu, tetapi ini tidak bermakna ia tidak lagi berlaku dalam masyarakat.

BAGI tempoh Januari hingga April 2009, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan sebanyak 819 kes penderaan kanak-kanak di seluruh negara.

Daripada perangkaan itu, 549 kes melibatkan kanak-kanak perempuan sementara bakinya, 270 kes kanak-kanak lelaki.

Negeri yang paling banyak mencatat kes penderaan ialah Selangor dengan 320 kes, diikuti Perak 91 kes dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 79 kes.

Statistik perbandingan 2008 dan 2007 turut menunjukkan Selangor sebagai negeri yang paling banyak mempunyai kes penderaan kanak-kanak.

Jumlah kes yang dicatat di Selangor pada 2008 adalah 949 kes berbanding dengan 816 kes pada 2007. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada di tangga kedua dengan 595 kes pada 2008 dan 444 kes pada 2007.

"Bilangan kes penderaan di Lembah Klang memang banyak, sebahagiannya kerana tekanan hidup yang tinggi dan tambahan jumlah penduduknya besar.

"Masyarakat pula semakin sedar tentang tanggungjawab sosial mereka untuk melaporkan kes-kes sedemikian," ujar Pengarah Bahagian Kanak-Kanak JKJ, Nor Amni Yusoff.

Secara keseluruhannya, seluruh negara merekodkan sebanyak 2,780 kes penderaan pada 2008 berbanding dengan 2,279 kes pada 2007.

Di sebalik peningkatan kes, JKJ percaya masih banyak kes penderaan kanak-kanak yang tidak dilaporkan.



**Masih ada
98 peratus
kes yang
tidak dilapor
- NOR AMNI**



SEORANG ibu (kanan) ditahan oleh pihak berkuasa kerana disyaki terlibat dalam kes mendera anak sendiri. - Gambar hiasan

"Semua statistik ini adalah kes-kes yang dilaporkan tetapi saya percaya kes yang dilaporkan ini hanya mewakili dua peratus daripada kes yang berlaku di luar sana. Masih ada 98 peratus kes yang tidak dilaporkan," jelas Nor Amni.

Dari segi kaum, beliau berkata, sebahagian besar kes penderaan yang dilaporkan kepada JKJ berlaku dalam kalangan kaum Melayu.

Menurutnya, bentuk penderaan yang lazim berlaku pula adalah penderaan fizikal, seksual dan emosi.

Tambahnya, bagi tempoh Januari hingga April 2009, kes penderaan fizikal yang direkod adalah 523, seksual 230 kes (kebanyakannya melibatkan kanak-kanak perempuan) dan emosi, 16 kes.

Mengenai penderaan emosi, Nor Amni

menjelaskan, ia sering berlaku apabila ibu bapa bercerai.

Menurutnya, berbanding waktu dahulu di mana pasangan yang hendak bercerai sering mengutamakan kebajikan anak-anak, pada hari ini, mereka yang bercerai akan menggunakan anak sebagai alat dan menjadikan mereka 'korban' perceraian.

"Katakan ibu mendapat hak penjagaan (urusan Mahkamah Syariah bagi orang Islam), bapa akan menggunakan anak untuk membuat tuduhan palsu yang bekas isterinya mendera anak itu. Tujuannya adalah untuk membalas dendam.

"Meskipun laporan penderaan mungkin palsu tetapi apabila dibuat, kita perlu bertindak dan membawa anak ke hospital untuk pemeriksaan. Ada kes di mana anak terpaksa keluar masuk hospital.

"Apabila diperiksa, pihak hospital mendapati tidak ada penderaan dan anak balik ke rumah. Kemudian si bapa akan membuat laporan lagi dan kami membawa sekali lagi anak itu ke hospital. Ini berterusan sehingga bertahun. Kes ini paling

banyak kami kendalikan sekarang," jelasnya.

Paling berkesan

Menurut Nor Amni, orang ramai menggunakan pelbagai cara untuk melaporkan kes penderaan kanak-kanak iaitu melalui nombor *hotline*, Talian Nur 15999 atau menghantar e-mel atau surat.

Jelasnya, hampir 90 peratus kes dera diterima dan dilaporkan menerusi Talian Nur (15999) yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) pada Disember 2007.

Keberkesanan Talian Nur ini boleh dilihat menerusi peningkatan mendadak dari segi jumlah aduan/laporan kes dera.

Nor Amni memberitahu bahawa statistik 2008 menunjukkan peningkatan sebanyak 501 kes kepada 2,780 kes daripada 2,279 pada 2007.

Katanya, perbandingan 2007 dan 2006 hanya menunjukkan kenaikan 280 kes.

"Kami sudah membuat promosi besar-besaran mengenai Talian Nur ini. Yang menariknya, talian ini dikendalikan dalam empat bahasa iaitu Melayu, Inggeris, Tamil dan Mandarin.

"Tambahan pula, masyarakat tahu usaha mereka tidak sia-sia kerana kami mengambil tindakan apabila mereka membuat aduan dan ini boleh dilihat menerusi kes penderaan yang dilaporkan oleh media," tambahnya.

Nor Amni berkata, di samping laporan kes penderaan, Talian Nur turut mengendalikan segala pertanyaan mengenai KPWK.

"Talian Nur dikendalikan 24 jam oleh sebuah syarikat yang sudah dilatih oleh pegawai-pegawai Kementerian. Mereka bukan sahaja mengendalikan laporan kes penderaan tetapi semua jenis pertanyaan mengenai Kementerian.

"Untuk panggilan yang memerlukan maklumat, pihak pengendali akan memberi maklumat secara langsung tetapi untuk kes penderaan, pihak itu akan segera menghubungi pegawai yang berkenaan," jelasnya. - Bernama